




JAWATAN KOSONG PEGAWAI PENYELIDIK SOSIAL (KONTRAK N41)

TEMPAT

Kementerian Sumber Manusia, Putrajaya

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Berkelulusan Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang sumber manusia, ekonomi dan statistik yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- Mempunyai pengalaman kerja melaksanakan penyelidikan sekurang-kurangnya 3 sehingga 4 tahun;
- Berpengalaman dalam menjalankan penyelidikan dalam bidang sumber manusia, ekonomi dan statistik;
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.



SKOP TUGAS

- Melaksanakan kajian terhadap polisi ekonomi yang telah dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia.
- Menguruskan seluruh proses penyelidikan termasuk sesi libat urus dengan responden pensampelan kajian.
- Merancang kerja-kerja penyelidikan, mengumpul data dan maklumat mengenai gaji dan gaji minimum secara berterusan;
- Membuat analisis yang berkaitan gaji dan gaji minimum;
- Menjalankan kajian impak dan perkembangan semasa (trend) pelaksanaan gaji minimum peringkat nasional dan antarabangsa;
- Menyediakan laporan penyelidikan dan kajian berdasarkan tugasan yang diberikan oleh Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara (JTPGN); dan
- Menjalankan tugas-tugas lain yang berkaitan sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

Curriculum vitae (CV) berserta gambar terkini perlu dikemukakan melalui e-mel mpgn@mohr.gov.my sebelum 23/9/2022.

Hubungi : En. Mohd Mahathir Bin Miswan (017-2348867)

: En. Harith Isma Bin Mohd Sabri (012-6643052)